

PENGGUNAAN “B-PoP: RASULULLAH, KEKASIH ALLAH” DALAM MEMBANTU MURID MEMAHAMI DAN MENINGAT KEPERIBADIAN NABI MUHAMMAD SAW

NURSA’IDAH SAFFA’ BINTI MUHAMMAD SAUFI

nursaidahsaffa@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu meningkatkan kefahaman dan kemahiran mengingat murid tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan berpandukan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” yang berkaitan dengan bidang sirah mata pelajaran Pendidikan Islam. B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” menggabungkan dua teori iaitu teori warna melalui perkataan-perkataan yang telah dimerahkan dan gambar sebagai petunjuk kepada keperibadian Nabi Muhammad SAW. Kajian telah dijalankan ke atas empat orang murid Tahun Lima yang telah dipilih berdasarkan temu bual, pemerhatian, borang maklum balas, analisis dokumen serta ujian sebelum dan selepas tindakan. Data yang diperoleh disemak dengan menggunakan triangulasi kaedah. Penggunaan peserta kajian telah menunjukkan purata peratusan peningkatan sebanyak 50%. Kajian ini akan dilanjutkan lagi dengan menggabungkan kemahiran TMK dan permainan supaya sentiasa diingati dan diamalkan oleh murid.

Kata kunci: Keperibadian Nabi Muhammad SAW, buku pop-up, sirah, teori warna, gambar

PENGENALAN

Saya merupakan seorang guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pengajian Agama Jun 2014. Saya telah menjalani dua sesi praktikum di dua sekolah yang berbeza selama tiga bulan. Saya juga menjalani sesi Internship selama sebulan di Sekolah Kebangsaan Tiara (nama samaran), sekolah yang sama sewaktu saya menjalani sesi praktikum yang kedua. Kedua-dua sekolah ini berbeza dari segi bilangan murid yang beragama Islam kerana faktor persekitaran sekolah yang berbeza serta latar belakang murid yang berbeza.

Sepanjang sesi praktikum fasa kedua dijalankan, saya telah berpeluang untuk mengajar Pendidikan Islam bagi murid Tahun 5. Murid kelas Tahun 5 yang diajar oleh saya kebanyakannya sudah boleh untuk membaca Al-Quran dan tulisan Jawi dengan baik. Hanya beberapa orang sahaja yang masih perlu berusaha untuk memperbaiki kelemahan mereka dalam dua perkara tersebut. Mereka juga adalah sangat aktif sewaktu kelas dan sentiasa bersemangat serta bersedia menjawab soalan yang diajukan oleh guru. Mereka juga sentiasa menunjukkan keyakinan dalam menjawab soalan guru dan cuba mendapatkan jawapan yang tepat dengan bantuan guru serta rakan-rakan.

Sewaktu sesi PdP bidang Sirah dijalankan, saya membuat pemerhatian terhadap keaktifan murid di dalam kelas. Hal ini juga membuat saya terfikir akan kepentingan kepada seseorang murid itu untuk mengenali dan mengetahui siapakah Nabi Muhammad SAW. Perkara ini juga adalah untuk menyemai rasa cinta mereka terhadap Nabi Muhammad SAW dan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan mereka yang utama berbanding dengan penyanyi atau pelakon popular tanah air atau luar negara. Oleh itu, saya telah memilih untuk membuat kajian dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran mengingat murid mengenai keperibadian Nabi Muhammad SAW. Saya juga perlu memikirkan kaedah pengajaran

yang paling sesuai dengan gaya pembelajaran murid yang berbeza. Harapan saya murid-murid saya menjadi seorang yang cinta akan sirah Nabi Muhammad SAW dan menjadi seorang anak yang soleh demi mencontohi keperibadian Nabi Muhammad SAW.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini difokuskan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran mengingat murid tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan menggunakan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”. Pada praktikum yang lepas, saya telah mendapati beberapa orang murid saya mempunyai masalah dalam memahami dan mengingat isi pelajaran yang berkaitan dengan sirah Nabi Muhammad SAW tetapi mereka sentiasa menunjukkan ketekunan dan kesungguhan untuk memahami pelajaran yang ingin disampaikan oleh saya. Jadi, fokus saya dalam kajian ini ialah untuk membantu murid memahami dan mengingat tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan tepat dan betul. Mereka juga diharapkan dapat mencontohi keperibadian Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan sehari-hari serta menjadi contoh teladan yang baik kepada rakan-rakan mereka yang lain.

Kajian ini juga berfokuskan kepada penggunaan kaedah mengingat dengan berpandukan gambar dan warna. Kaedah belajar dengan menggunakan teknik mengingat adalah mudah untuk diperaktikkan tapi adakah perkara yang telah dihafal diingat itu akan sentiasa kekal dalam ingatan kalau tiada unsur yang boleh menarik perhatian seseorang murid. Pengalaman saya bergelar seorang murid sekolah rendah dahulu, saya sangat suka apabila guru bercerita sambil menunjukkan gambar ketika mengajar tentang sirah Nabi Muhammad SAW. Saya juga dapat mengingat dengan baik pelajaran yang disampaikan oleh guru dengan mengingati gambar yang pernah ditunjukkan oleh guru. Oleh hal yang sedemikian, saya berpendapat murid saya juga mengalami masalah dan pengalaman yang saya alami dahulu. Fokus yang telah saya tetapkan juga adalah setelah mengambil kira ketiga-tiga fokus iaitu kebolehtadbiran, kepentingan dan kebolehgunaan terhadap diri saya sendiri, murid, ibu bapa, sekolah, masyarakat dan juga negara.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- 1) Membantu meningkatkan kefahaman murid tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan menggunakan “B-PoP:Rasulullah, Kekasih Allah”.
- 2) Membantu meningkatkan kemahiran mengingat murid tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan menggunakan “B-PoP:Rasulullah, Kekasih Allah”.

Persoalan Kajian

- 1) Adakah “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” dapat membantu meningkatkan kefahaman murid tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW?
- 2) Adakah penggunaan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” dapat membantu meningkatkan kemahiran mengingat murid tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW?


PESERTA KAJIAN

Saya telah memilih seramai empat orang peserta kajian. Empat orang yang telah dipilih itu terdiri daripada dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan. Saya telah memilih empat peserta kajian ini berdasarkan beberapa kriteria penting yang telah saya tetapkan. Antara kriteria pemilihan peserta kajian saya ialah murid itu mempunyai pencapaian akademik yang sederhana iaitu tidak terlalu tinggi dan juga tidak terlalu rendah. Dia juga berperwatakan sama ada seorang yang ceria, pendiam, aktif di dalam kelas dan mendengar kata.

Kriteria dan perwatakan peserta kajian saya yang bernama Maya ialah dia merupakan seorang yang aktif di dalam kelas, menunjukkan minat untuk belajar walaupun tahap pencapaiannya adalah sederhana. Arif pula ialah seorang yang pendiam, bersopan santun dan mempunyai pencapaian paling tinggi antara empat orang peserta kajian saya. Manakala Nasir pula, seorang yang aktif, suka bertanya dan berkeyakinan tinggi dan peserta kajian saya yang terakhir iaitu Yana adalah seorang yang rajin dan berhat-hati melakukan kerja walaupun pencapaian akademiknya yang paling lemah sekali berbanding peserta kajian yang lain.


TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Bahan Bantu Mengajar (BBM) didefinisikan sebagai perkara atau benda yang diperlukan dan digunakan oleh guru untuk membantu murid-murid belajar dengan lebih berkesan dan menarik (Atan Long, 1982). Oleh itu, saya telah membina satu bahan bantu mengajar yang diberikan nama “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”. Bahan ini menggabungkan teori warna dan gambar untuk membantu murid memahami dan mengingat keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan lebih mudah dan menarik.



Rajah 1. Muka Depan Buku ‘Pop-Up’

Menurut Hajijah Hasan (2008), penggunaan warna dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid-murid menguasai konsep yang ingin ditumpukan. Warna juga membantu kita dalam mengingat sesuatu maklumat dengan meningkatkan tahap perhatian kita (Mariam & Muhammad, 2013). Warna juga merangsang simbolik dan kemahiran kogniti yang mempengaruhi pembelajaran, memudahkan hafalan dan pembelajaran konsep sesuatu tajuk (Oluwakemi & Omoniyi, 2015). Penggunaan warna merah adalah bersifat tampak, mudah peka, menarik pandangan dan mengekalkan memori. Oleh itu, saya telah menggunakan warna merah untuk perkataan yang saya ingin murid ingat.



Rajah 2. Penerangan Tentang Kandungan “B-Pop-Rasulullah, Kekasih Allah”

Menurut Abdullah dan Ainon (2006), menyatakan komunikasi bermaksud memindahkan atau menyampaikan mesej daripada satu pihak kepada pihak yang lain. Mesej pula ialah maklumat yang dapat disampaikan sama ada menggunakan pertuturan, perbuatan, tulisan atau lukisan dan gambar. Oleh itu, penggunaan gambar dalam BBM ini adalah salah satu cara saya untuk menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. BBM ini disampaikan dengan kaedah bercerita dan penerangan tentang isi-isi pelajaran yang berkaitan keperibadian Nabi Muhammad SAW. Kaedah bercerita adalah kaedah mendengar dan mengulang fakta daripada cerita yang disampaikan manakala kaedah penerangan digunakan untuk menjelaskan lagi sesuatu tajuk yang ingin guru tekankan (Tengku Sarina & Yusmini, 2008). Contohnya, saya menerangkan satu fakta mengenai keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan bercerita kisah yang berkaitan dengan keperibadian itu pada zaman Nabi Muhammad SAW. Hal ini adalah untuk menarik minat peserta kajian terhadap tajuk yang ingin disampaikan dan menimbulkan rasa ingin tahu lebih mendalam lagi mengenai keperibadian Nabi Muhammad SAW. Saya juga mengaitkan keperibadian Nabi Muhammad SAW ini dengan kehidupan seharian peserta kajian agar mereka dapat mengamalkannya dengan mudah. Nabi Muhammad juga adalah contoh teladan yang terbaik untuk kita ikuti seperti mana dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)

(Al-Ahzab, 33:21)

Nabi Muhammad SAW mempunyai pelbagai keistimewaan yang membolehkannya menjadi seorang pemimpin yang mampu membangunkan masyarakatnya dan akhirnya membentuk satu kekuatan yang telah berjaya merubah bangsa Arab Jahiliah (Zuridan & Haslinda, 2006). Jadi, harapan saya dalam menjalankan tindakan

ini juga adalah untuk menerapkan dalam diri peserta kajian keperibadian Nabi Muhammad SAW yang sangat istimewa di samping menjalankan kajian yang utama dalam membantu murid memahami dan mengingat keperibadian Nabi Muhammad SAW.

DAPATAN KAJIAN

Temu Bual

Menurut Chuah (2016), kaedah temu bual merupakan kaedah yang membantu penyelidik meneroka dan mendapat maklumat kajian secara mendalam kerana melibatkan hubungan bersua muka secara langsung dengan peserta kajian dan mereka dapat memberikan maklumat berkaitan tindakan yang dilaksanakan. Oleh itu, saya telah menjalankan temu bual bersama dengan peserta kajian selepas tindakan iaitu selepas saya penggunaan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”. Peserta kajian menyatakan mereka faham dan berjaya mengingat keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan betul berdasarkan gambar dan perkataan yang diwarnakan merah yang terdapat dalam “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” dalam membantu meningkatkan kefahaman dan kemahiran mengingat murid tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW adalah berjaya.

Lembaran Kerja Semasa dan Selepas Tindakan

Lembaran kerja ini telah diberikan semasa dan selepas tindakan dijalankan. Lembaran kerja ini mengandungi soalan bergambar yang berkaitan dengan kandungan di dalam “B-PoP”.

Jadual 1

Analisis Peratusan Perbandingan Lembaran Kerja Peserta Kajian

Peserta Kajian	Lembaran Kerja 1	Lembaran Kerja 2	Peratusan Peningkatan (%)
Maya	5/7 (71.43%)	7/7 (100%)	28.6
Arif	4/7 (57.14%)	7/7 (100%)	42.9
Nasir	3/7 (42.86%)	5/7 (71.4%)	28.6
Yana	5/7 (71.43%)	7/7 (100%)	28.6

Melalui analisis peratus perbandingan lembaran kerja semasa dan selepas tindakan, dapat dilihat semua peserta kajian mengalami peratus peningkatan markah dengan tiga orang sebanyak 28.6% dan seorang sebanyak 42.9%. Peningkatan ini adalah satu peningkatan yang positif kepada guru dan peserta kajian.

Senarai Semak Pemerhatian

Pemerhatian ini telah dilakukan ketika kajian telah dijalankan. Hal ini adalah untuk melihat keberkesanan penggunaan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”.

Jadual 2

Senarai Semak Pemerhatian Selepas Tindakan

Bil	Item pemerhatian	Ada				Tiada			
		Maya	Arif	Nasir	Yana	Maya	Arif	Nasir	Yana
1	Murid dapat menjawab soalan lisan guru dengan betul	/	/	/	/				

2	Murid dapat mengaitkan gambar dengan isi pelajaran.	/	/	/	/
3	Murid dapat berbual sesama mereka tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW.	/	/	/	/

Jadual 2 ini menunjukkan perubahan tingkah laku peserta kajian selepas tindakan. Contohnya, bagi item pemerhatian nombor satu, murid dapat menjawab soalan lisan guru dengan betul. Perkara ini sememangnya dapat saya perhatikan sewaktu kelas. Apabila saya memberi soalan berkaitan dengan keperibadian Nabi Muhammad SAW, peserta kajian saya dapat menjawab dengan betul dan mampu mengaitkan dengan BBM yang saya gunakan. Peserta kajian juga dapat mengaitkan gambar yang ditunjukkan oleh guru dengan isi pelajaran yang telah mereka pelajari.

Borang Maklum Balas

Jadual 3 merupakan analisis borang maklum balas yang telah diberikan kepada peserta kajian selepas tindakan. Item-item di dalam borang maklum balas adalah untuk membuktikan sama ada penggunaan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” berjaya mencapai objektif kajian atau tidak.

Jadual 3

Analisis Borang Maklum Balas selepas Tindakan

Bil	Item Maklum Balas	Setuju	Tidak Setuju
1	Adakah kamu suka menggunakan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”?	4	0
2	Adakah “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” membantu kamu mengingat tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW?	4	0
3	Adakah kamu lebih mengenali keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan menggunakan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”?	4	0

Item kedua borang maklum balas, Adakah “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” membantu kamu mengingat tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW? telah dipersetujui oleh semua peserta kajian. Peserta kajian menyatakan mereka dapat mengingat keperibadian Nabi Muhammad SAW kerana mereka juga suka menggunakan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”. Ingatan merujuk kepada proses mental dalam mengekod, mengekalkan dan mendapatkan semula maklumat (Mariam & Muhammad, 2013). Oleh itu, “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” ini adalah salah satu cara untuk murid mendapatkan semula maklumat yang mereka telah pelajari dengan berpandukan gambar dan juga warna.

Ujian Sebelum Dan Selepas Tindakan

Ujian sebelum dan selepas tindakan adalah digunakan untuk menguji sama ada peserta kajian mampu atau tidak mencapai objektif kajian kerana ujian ini tidak dimasukkan gambar dan perkataan berwarna merah seperti di dalam “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah”.

Jadual 4**Perbandingan Markah Peserta Kajian Dalam Ujian Sebelum Dan Selepas Tindakan**

Peserta Kajian	Ujian Sebelum Tindakan		Ujian Selepas Tindakan		Peratus Peningkatan (%)	Purata Peratus Peningkatan
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus		
Maya	3/5	60	5/5	100	40	Jumlah Peningkatan ÷ Jumlah Peserta Kajian
Arif	2/5	40	5/5	100	60	
Nasir	2/5	40	5/5	100	60	
Yana	3/5	60	5/5	100	40	$200 \div 4 = \underline{\underline{50\%}}$

Jadual 4 menunjukkan perbandingan markah yang ditunjukkan oleh peserta kajian dalam Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan. Terdapat perbezaan markah yang ketara bagi semua peserta kajian sebelum dan selepas tindakan yang dapat dilihat melalui peratus markah ujian sebelum dan ujian selepas tindakan. Kesemua peserta kajian juga telah menunjukkan peratus peningkatan kerana masing-masing pada ujian selepas tindakan telah mendapat peratus markah sebanyak 100%. Purata peratus peningkatan bagi semua peserta kajian pula adalah sebanyak 50%. Hal ini sememangnya telah membuktikan bahawa penggunaan “B-PoP: Rasulullah, Kekasih Allah” dapat membantu meningkatkan kemahiran murid tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW.

REFLEKSI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2014), definisi refleksi ialah bayangan, gambaran (dalam cermin, fikiran dan lain-lain). Melalui penyelidikan ini terdapat pelbagai perkara yang boleh direfleksikan. Ternyata kajian ini telah membawa kesan yang positif terhadap semua peserta kajian saya iaitu Maya, Arif, Nasir dan Yana. Mereka telah menunjukkan tingkah laku yang positif dan mereka cuba untuk mengajak kawan-kawan mereka melakukan perbuatan yang positif itu bersama-sama. Contohnya, apabila melihat rakan mereka bergaduh mereka akan cuba meleraikan pergaduhan itu. Hal ini saya perhatikan semasa saya mengajar di dalam kelas.

Saya juga sebagai pengkaji mendapat kesan yang positif daripada perubahan tingkah laku peserta kajian yang positif kerana mereka memberikan impak yang positif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Mereka mampu mengajak kawan-kawan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran guru di dalam kelas dan mereka mampu bekerjasama dalam kumpulan dengan baik. Contohnya, Arif yang dahulunya pendiam tetapi setelah kajian dilakukan, dia mampu untuk menyatakan pendapatnya ketika pengajaran Pendidikan Islam berlangsung. Peserta kajian juga dapat mengamalkan perkara yang telah mereka belajar, faham dan ingat tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW. Teori warna dan gambar yang saya terjemahkan di dalam buku ‘pop-up’ itu sangat membantu mereka mengingat tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW dan mereka sangat teruja untuk mengamalkannya terhadap kawan-kawan mereka.

Selain itu, kajian tindakan ini juga memberi kesan terhadap amalan kendiri saya. Saya berpeluang untuk mencari cara dan kaedah pengajaran yang menarik dan bersesuaian dengan tahap perkembangan peserta kajian saya. Saya juga dapat mencuba melakukan sesuatu amalan yang berbeza di dalam kelas. Sebelum kajian tindakan, sememangnya saya banyak menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan bahan-bahan majud sewaktu pengajaran Pendidikan Islam

tetapi saya tidak pernah terfikir untuk memasukkan teori warna dengan menekankan perkataan yang tertentu dalam bahan-bahan pengajaran yang saya gunakan sebelum ini. Oleh itu, kajian ini telah membuka mata saya untuk membuat pemerhatian yang lebih mendalam tentang perkembangan murid dan sentiasa menambah baik bahan-bahan pengajaran yang digunakan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, saya sebagai bakal seorang guru Pendidikan Islam merasakan kajian ini memberi saya satu impak yang positif serta pandangan yang lebih jelas terhadap matlamat dan objektif saya untuk mengajar murid-murid. Semua murid yang pernah diajar saya sewaktu praktikum telah memberikan pengajaran yang bermakna buat saya. Saya melihat kepada kesungguhan dan kegigihan mereka untuk belajar dan menuntut ilmu sehingga saya juga turut terkesan dan cuba memberikan input yang terbaik buat pengetahuan mereka. Seorang penyelidik yang berjaya adalah seorang yang mampu menjalankan segala pelaksanaan kajiannya dengan baik malah mampu memberikan kesan yang terbaik buat peserta kajiannya. Saya merasakan saya perlu lebih berusaha lagi untuk menjadi seorang penyelidik yang bagus dan mantap dari segi kajian, penyemakan data dan dapatan kajian.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Melalui kajian tindakan yang telah dilaksanakan dalam penyelidikan tindakan ini saya telah memperoleh keputusan yang menggembirakan di mana semua peserta kajian saya mampu untuk memahami dan mengingat dengan menggunakan buku ‘pop-up’ yang telah dihasilkan oleh saya. Kandungan buku yang mempunyai gambar dan perkataan berwarna merah sangat membantu murid dalam mengingat isi pelajaran Sirah tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW dengan betul dan tepat.

Oleh itu, harapan saya semoga konsep buku ini dikekalkan dan ditambah baik dengan menggunakan TMK dan menggabungkan dengan permainan agar tajuk keperibadian Nabi Muhammad SAW sentiasa mendapat tempat di hati murid-murid. Pada pendapat saya, kepentingan tajuk ini adalah untuk menanam dan memupuk sifat mahmudah dalam diri murid dengan mencontohi keperibadian Nabi Muhammad SAW yang paling mulia seperti dalam Al-Quran. Saya juga berpendapat, murid akan dapat mengamalkan perkara yang mereka pelajari ini ketika berada di dalam kelas, di rumah atau di mana-mana sahaja.

Kesimpulannya, saya berharap semoga kajian ini membantu saya dan peserta kajian untuk menjadi seorang insan yang selalu berakhlik mulia dan turut mendatangkan kebaikan kepada orang lain.

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-Karīm

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2006). *Komunikasi di tempat kerja*. Selangor: PTS Professional Publishing.

Atan Long. (1982). Pedagogi: Kaedah Am Mengajar. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Chuah, K. H. (2016). *Penulisan Laporan Penyelidikan Tindakan: Panduan Penyelidik*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

- Hajijah Hasan. (2008). *Kaedah Mesra Warna (di Kalangan Murid Tingkatan Lima)*, kajian dibentangkan pada Hari Profesionalisme SMK Papar.
- Kamus Dewan. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mariam Adawiah Dzulkifli & Muhammad Faiz Mustafar. (2013). The Influence of Colour on Memory Performance: A Review. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*. 20(2)3-9. Diakses dari <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/Mustafar>
- Oluwakemi Olurinola & Omoniyi Tayo. (2015). Colour in Learning: It's Effect on the Retention Rate of Graduate Students. *Journal of Education and Practice*. 6(14), 1-5.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kajian dan Penulisan*. Kuala Lumpur:Freemind Horizons.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md. Yusoff. (2008). *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Zuridan Mohd Daud & Haslinda Hashim. (2006, Ogos). Pembangunan Pelajar dari Perspektif Rasulullah SAW; Satu Pendekatan Soft Skills di KUKTEM. Kertas dibentang pada Persidangan Pembangunan Pelajar (NASDEC, KL). Diakses daripada https://eprints.utm.my/id/eprint/596/1/ZuridanMohdDaud2006_Pembangunapelajardariperspektifrasulullah.pdf.